

TANGAN, BAHU DAN LENGAN KURANG UPAYA



PENSKORAN DASH

Pada musim bunga 2002, kami telah memperkenalkan satu kaedah penskoran yang telah dikemaskini bagi Mengukur Hasil DASH. Kaedah baru ini setara dengan yang asal secara aljabar tetapi lebih mudah, lebih efisien dan tidak susah untuk digunakan jika terdapat data yang hilang. Bagi tujuan ini, kami mencadangkan untuk menggunakan kaedah yang telah dikemaskini ini; Walau bagaimanapun terpujang kepada anda anda untuk memilih kaedah yang mana satu kerana kedua-duanya akan memberi skor yang sama.

DASH mengira dua komponen: soalan kurang upaya/simptom (30 item, skor 1-5) dan bahagian sukan berprestasi tinggi pilihan/muzik atau kerja (4 item, skor 1-5).

Skor Kurang Upaya/ Simptom

Sekurang-kurangnya 27 daripada 30 item mesti dilengkapkan bagi membolehkan skor dikira. Jumlahkan kesemua respons yang lengkap yang mempunyai nilai yang telah ditetapkan dan dapatkan puratanya bagi menghasilkan skor 5. Nilai ini kemudian ditukar kepada skor daripada 100 dengan menolak nilai satu dan mendarabkannya dengan 25. Penukaran ini dilakukan bagi membolehkan skor mudah dibanding dengan ukuran-ukuran lain yang menggunakan skala 0-100. Skor yang lebih tinggi menunjukkan kurang upaya yang lebih tinggi.

$$\text{KURANG UPAYA DASH/ SKOR SIMPTOM} = \left(\left[\frac{\text{jumlah dari nilai yang dipilih}}{\text{soalan dijawab}} \right] - 1 \right) \times 25$$

Modul Pilihan (sukan/muzik atau kerja)

Setiap modul pilihan mengandungi empat item, yang mungkin digunakan atau tidak digunakan oleh individu kerana sifat soalan tersebut. Tujuan modul pilihan ialah untuk mengenalpasti kesukaran spesifik yang mungkin dialami tetapi tidak memberi kesan kepada kegiatan kehidupan harian ahli sukan profesional/ artis persembahan atau kumpulan pekerja yang lain yang tidak dapat dikesan dalam bahagian 30-item DASH. Prosedur yang sama seperti yang telah diterangkan di atas perlu diikuti untuk mengira skor modul pilihan empat-item. Kesemua empat soalan mesti dijawab bagi membolehkan skor dikira. Jumlahkan nilai yang ditetapkan bagi setiap respons dan bahagikan dengan empat (bilangan item); tolak satu dan darabkan dengan 25 bagi mendapatkan skor daripada 100.

Item Hilang

Sekiranya lebih 10 peratus daripada item (iaitu lebih daripada tiga item) tidak dijawab oleh respondens, anda tidak boleh mengira skor kurang upaya/ simptom DASH. Mengikut peraturan yang sama (iaitu tidak lebih daripada 10 peratus item yang tidak dijawab), maka tiada nilai hilang yang boleh ditoleransi dalam modul sukan berprestasi tinggi/ artis persembahan atau kerja kerana modul tersebut hanya mengandungi empat item. Peraturan data hilang ini dikenakan kepada kedua-dua kaedah penskoran asal dan yang telah dikemaskini.